

## SOALAN LAZIM

### LANJUTAN TEMPOH MASA SERAH SIMPAN MAKLUMAT PEMUNYAAN BENEFISIAL DI BAWAH ARAHAN AMALAN NO. 9/2024

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	<p>Berapa lamakah tempoh masa yang diberikan kepada syarikat untuk menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial di bawah "Practice Directive No. 9/2024: Lodgement of Beneficial Ownership Information under the Companies Act 2016 Through e-BOS" yang telah disemak pada 27 Mei 2024 (PD9/2024)?</p>	<p>Pada mulanya, syarikat diberi tempoh masa selama tiga (3) bulan untuk menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial dengan Pendaftar bermula dari 1 April 2024 dan berakhir pada 30 Jun 2024.</p> <p>Walau bagaimanapun, tempoh masa tersebut telah dilanjutkan selama tiga (3) bulan lagi yang akan berakhir pada 30 September 2024.</p> <p>Secara keseluruhannya, syarikat diberi tempoh masa selama enam (6) bulan bermula pada 1 April hingga 30 September 2024 untuk menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial dengan Pendaftar.</p>
2	<p>Apakah kesan perlanjutan tempoh masa tersebut terhadap syarikat?</p>	<p>Menurut perenggan 9 PD9/2024, yang berikut akan berkuat kuasa sepanjang tempoh masa enam (6) bulan tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Syarikat tidak perlu mematuhi tempoh empat belas (14) hari untuk menyerahkan simpan maklumat pemunya benefisial menurut subseksyen 60B(4) Akta Syarikat 2016;</li> <li>(b) Tiada fi lewat serah simpan akan dikenakan; dan</li> <li>(c) Tiada fi rektifikasi akan dikenakan.</li> </ul>

NO	SOALAN	JAWAPAN
3	Adakah SSM akan mempertimbangkan perlanjutan tempoh seterusnya selepas tempoh masa enam (6) bulan tersebut tamat?	<p>Memandangkan Malaysia sedang bersedia untuk penilaian bersama yang dijalankan oleh <i>Financial Action Task Force (FATF)</i> bermula pada tahun 2024 sehingga tahun 2025, pembekalan maklumat pemunyaan benefisial kepada pihak berkuasa berwibawa, agensi penguatkuasa dan institusi pelapor dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang berkaitan adalah amat penting, maka tiada lanjutan masa akan diberi setelah tempoh masa enam (6) bulan tersebut.</p> <p>Oleh itu, tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap ketidakpatuhan keperluan di bawah Akta Syarikat 2016, <i>Guidelines for the Reporting Framework for Beneficial Ownership of Companies</i>, PD9/2024 dan perundangan subsidiari lain yang dikeluarkan oleh Pendaftar. Ini adalah untuk memastikan maklumat pemunyaan benefisial syarikat di Malaysia adalah tepat dan terkini berdasarkan serah simpan yang dibuat di SSM.</p>
4	Apakah jenis syarikat yang akan tertakluk kepada PD9/2024?	Semua syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 termasuklah syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 adalah tertakluk kepada PD9/2024.
5	Apakah yang akan berlaku selepas tamatnya tempoh enam (6) bulan tersebut?	<p>Selepas tamatnya tempoh enam (6) bulan tersebut, tiada fi akan dikenakan untuk serah simpan maklumat pemunyaan benefisial itu sendiri termasuk perubahan butir-butir maklumat pemunyaan benefisial seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7 di bawah PD9/2024.</p> <p>Walaubagaimanapun, fi lewat serah simpan dan fi rektifikasi akan dikenakan.</p>